

PM: Jangan ambil mudah kestabilan politik

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan rakyat supaya tidak mengambil mudah kestabilan politik yang telah dinikmati secara berterusan sejak lima dekad lalu.

Justeru, beliau mahu rakyat terus berusaha mempertahankanannya.

"Negara berjaya membasmi kemiskinan, bebas daripada bencana alam seperti tsunami dan mencapai pembangunan mapan, (tetapi) segala kejayaan itu tidak harus mengaburi pandangan bahawa hakikatnya masih ada yang memerlukan bantuan.

"Masih ada bahagian-bahagian di negara ini yang belum mendapat nikmat penuh daripada pertumbuhan kukuh ekonomi negara, begitulah juga halnya masih ada sebahagian anggota masyarakat yang masih perlu dibantu," katanya.

Beliau berucap pada majlis penyampaian Anugerah Kemanusiaan Malaysia New Straits Times Press (NSTP)-Pricewaterhousecoopers (PWC) Ketiga, di sini malam ini.

Turut hadir bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, Pengerusi NSTP, Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan, Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Hishammuddin Aun, Pengerusi Eksekutif PWC, Datuk Johan Raslan dan Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Abdul Mutalib Mohamed Razak.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan lari daripada tanggungjawab untuk menyediakan dan menjaga kebajikan rakyat.

Kerajaan juga jelas beliau, tidak akan berhenti daripada terus berusaha untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Dalam hal ini, beliau bangga kerana

masih ada yang ingin tampil membantukan senegara, sekaligus membuktikan kemurahan hati rakyat Malaysia.

"Apa yang lebih penting keprihatinan dan perhatian mereka kepada rakyat yang kurang berkemampuan, menjadi pengikat yang menyatukan kita sebagai sebuah masyarakat.

"Mereka inilah yang mewakili semangat Malaysia, berbanding sikap endah tak endah yang amat memalukan yang semakin berleluasa dalam masyarakat moden," katanya.

Abdullah berkata, kemurahan hati rakyat Malaysia yang sudi membantu orang lain menunjukkan keinginan terhadap aspek material belum mengatasi perasaan belas kasihan dan kesopanan.

Justeru, ujarnya, Malaysia dan rakyatnya sentiasa tampil menyahut seruan tu-

gas-tugas kemanusiaan setakat yang mampu dilakukan termasuk di Aceh, Pakistan, Lebanon dan Bosnia.

"Inilah tradisi yang saya harap akan diteruskan untuk sekian lamanya pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Ivan Kennedy, 32, terpilih sebagai pemenang bagi kategori Anugerah Kemanusiaan Muda. Sementara Anugerah Kemanusiaan Pasukan pula dimenangi oleh pertubuhan Deaf Against Child Sexual Abuse (DACSA) manakala Anugerah Kemanusiaan Lifetime dimenangi oleh Embun Mohd. Ali dan mendiang Manikumar Kanan, 44.

Dengan kemenangan tersebut, Kennedy dan DACSA membawa pulang piala, sijil dan wang tunai RM20,000 sementara Embun dan Manikumar menerima piala, sijil dan wang tunai RM25,000.

Um-6/12/2006